Bahagian Pengurusan Pusaka (BPP)

Bahagian Pengurusan Pusaka (BPP) Bahagian Pengurusan Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) telah diwujudkan pada 1 Mac 1974. Pewujudan bahagia...

Portal Rasmi JKPTG · jkptg.gov.my · 3 Nov 2026

Bahagian Pengurusan Pusaka (BPP)

Bahagian Pengurusan Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) telah diwujudkan pada 1 Mac 1974. Pewujudan bahagian ini adalah bagi melaksanakan kehendak Jadual Kesembilan, Senarai 1, Perkara 4(e)(i),Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan urusan harta pusaka kecil di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Fungsi utama bahagian adalah untuk menguruskan semua permohonan pembahagian pusaka kecil yang bernilai kurang daripada lima (5) juta ringgit yang mengandungi harta alih atau harta tak alih atau kedua-duanya. Objektif : Menguruskan permohonan pembahagian harta pusaka kecil dengan cekap dan adil mengikut kehendak Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98). Misi : Memberikan perkhidmatan secara profesional dan berintegriti kepada pelanggan. Visi : Menjadi peneraju utama pengurusan harta pusaka di Malaysia. Dasar Kualiti Komited untuk memberi perkhidmatan Pengurusan Pembahagian Pusaka Kecil yang berprestasi tinggi, berintegriti, cekap, mesra pelanggan dan sentiasa membuat penambahbaikan secara berterusan dalam menentukan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti.

- Pengambilan
- Penyerahan
- Pelepasan

Hari Ini 153 Minggu Ini 17925 Bulan Ini 33098 Keseluruhan 11762847

- Tarikh Kemas Kini : 20 April 2026.

Warna Tema : Pilihan Bahasa:

Sumber: www.jkptg.gov.my (Mei 2026). Kandungan dipetik untuk tujuan demonstrasi prototaip.